

U B885 AAB

TENTERA - PANGKAT R R R

KUALA LUMPUR, 5 OKT. (BERNAMA) -- PANGLIMA TENTERA DARAT, JEN. TAN SRI MOHD. GHAZALI HAJI CHE MAT DILANTIK SEBAGAI PANGLIMA ANGKATAN TENTERA MULAI 1 NOV. MENGGANTIKAN JEN. TAN SRI MOHD. GHAZALI DATUK SETH YANG AKAN BERSARA.

JEN. TAN SRI GHAZALI SETH BERSARA PADA 4 FEB. DEPAN DAN MULA PERCUTI PADA 1 NOV., DEMIKIAN DIUMUMKAN OLEH DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD SELAKU MENTERI PERTAHANAN.

PERKHIDMATAN JEN. DATUK MOHD. GHAZALI HAJI CHE MAT YANG DIJADUALKAN TAMAT TAHUN INI DISAMBUNG DUA TAHUN SEHINGGA 17 DIS. 1987 BAGI MEMBOLEHKANNYA MEMEGANG JAWATAN ITU.

DALAM KENYATAANNYA ITU, DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD JUGA MENGUMUMKAN BEBERAPA PERLANTIKAN BARU DAN KENAIKAN PANGKAT PEGAWAI-PEGAWAI KANAN ANGKATAN TENTERA.

TIMBALAN PANGLIMA TENTERA DARAT, LEF. JEN. DATUK MOHD. HASHIM MOHD. ALI, DINAIKKAN PANGKAT JENERAL MULAI 1 NOV. DAN DILANTIK SEBAGAI PANGLIMA TENTERA DARAT YANG BARU. -- LAGI.
1251MST 05 10 85

TENTERA - PANGKAT 2 KUALA LUMPUR R R R

PANGLIMA DUA DIVISYEN, MEJ. JEN. DATUK YAACOB MAT ZAIN DINAIKKAN KEPADA PANGKAT LEF. JENERAL MULAI 19 JULAI LALU UNTUK MEMEGANG JAWATAN KETUA STAF PERISIKAN PERTAHANAN MENGGANTIKAN LEF. JEN. ABDULLAH SAMSUDIN YANG AKAN BERSARA PADA 20 OKT.

LEF. JEN. YAACOB AKAN MENYANDANG JAWATAN TIMBALAN PANGLIMA TENTERA DARAT MULAI 1 NOV. MENGGANTIKAN JEN. DATUK MOHD. HASHIM.

PENGARAH PETUGAS VII, MEJ. JEN. DATUK MOHD. DAUD ABU BAKAR DINAIKKAN PANGKAT KEPADA LEF. JEN. MULAI 1 NOV.

KETUA STAF DEPARTMEN TENTERA DARAT, BRIG. JEN. DATUK JAAFAR HAJI MUHAMAD DINAIKKAN PANGKAT KEPADA MEJ. JENERAL MULAI 20 JULAI LALU DAN AKAN MENGGANTIKAN JEN. DATUK YAACOB SEBAGAI PANGLIMA DUA DIVISYEN.

TIMBALAN KETUA STAF PERISIKAN PERTAHANAN, BRIG. JEN. ABD. RAHMAN ABD. HAMID DINAIKKAN KEPADA PANGKAT MEJ. JENERAL MULAI 1 OKT. UNTUK MEMEGANG JAWATAN KETUA STAF OPERASI YANG DIKOSONGKAN OLEH MEJ. JEN. DATUK MUSTAPHA AWANG KERANA SEDANG MENGIKUTI KURSUS SELAMA SETAHUN DI LUAR NEGERI.

PANGLIMA 11 BRIGED (KEM WARDIEBURN), BRIG. JEN. ABUL 'AS ISMAIL DINAIKKAN PANGKAT SEBAGAI MEJ. JENERAL MULAI 11 DIS. BAGAIMANAPUN JAWATAN BARUNYA TIDAK DIUMUMKAN. -- BERNAMA
1253MST 05 10 85